

# Pelajar wanita masih mendominasi UPM

KUALA LUMPUR 3 Julai – Seramai 5,103 penuntut baru Universiti Putra Malaysia (UPM) yang mendaftar diri hari ini diwajibkan melalui ujian saringan bagi mengesan influenza A (H1N1) dalam usaha mengekang penyebaran wabak itu.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Profesor Mohd. Fauzi Ramlan berkata, mereka terdiri daripada 3,717 penuntut yang mengikuti pengajian peringkat ijazah sarjana muda, diploma (884) dan asasi (502).

“Selepas mendaftar diri di kaunter, penuntut baru perlu melalui saringan H1N1 dan kemudiannya mereka diberikan kunci bilik untuk mengemaskin barang masing-masing.

“Setakat ini, para ibu bapa berpuas hati dengan proses pendaftaran di UPM yang cepat dan cekap serta tidak menyusahkan segelintir ibu bapa yang datang dari jauh,” katanya pada sidang akhbar di sini hari ini.

Beliau memberitahu, daripada ke-

seluruhan penuntut baru yang mendaftar hari ini, 3,453 ialah perempuan, manakala bakinya 1,649 ialah pelajar lelaki.

“Berdasarkan kelayakan bagi tawaran ke UPM, pelajar lelaki kurang berkelayakan berbanding perempuan,” tegasnya.

Menurutnya, penuntut yang tidak mendapat tawaran ke UPM boleh membuat rayuan dalam masa dua minggu dari hari ini untuk mengelak daripada ketinggalan kuliah.